

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN BADMINTON PERKEP  
Lokasi : DEWAN BADMINTON, PULAPOL  
Tarikh : 23-08-1991

Bismillahirrahmanirrahim, Yang Berusaha Pengerusi Majlis, Yang Berbahagia Puan Sri Hamidah bte Abdul Hamid, Pengerusi Majlis PERKEP Pusat, Dif-dif kenamaan dan para jemputan, Puan-puan hadirin yang dihormati, Sesungguhnya kita bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dapat mempertemukan kita semua di majlis yang bererti pada pagi ini.

2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengerusi dan ahli-ahli PERKEP kerana sudi menjemput saya ke majlis pada pagi ini.
3. Saya berbangga dengan kemampuan Persatuan Keluarga Polis atau PERKEP untuk menjalankan aktiviti dalam berbagai bentuk yang telah memberi manfaat kepada para ahlinya di seluruh negara. Kejohanan badminton PERKEP yang dijalankan setiap tahun sempena Perayaan Hari Polis merupakan satu kegiatan kesukanan yang bukan sahaja penting kepada kesihatan ahli-ahli tetapi yang lebih utama ialah ianya dapat menjalinkan hubungan yang lebih baik sesama ahli yang datang dari seluruh ceruk rantau negara.
4. Dalam keadaan di mana perhubungan di antara individu serta semangat kejiwaan semakin terhakis terutamanya di kalangan masyarakat bandar, kita perlu memantapkan semula perhubungan antara sesama individu terutamanya jiran tetangga menerusi kegiatan-kegiatan keagamaan, sosial dan kesukanan. Ini sejajar dengan dasar negara untuk membentuk sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang saling bertanggungjawab, bersatupadu dan mampu untuk hidup dalam suasana harmoni atau apa yang dinamakan "a caring society".
5. Saya difahamkan PERKEP memanglah merupakan sebuah persatuan yang bukan sahaja aktif mengatur pelbagai rancangan dan kegiatan yang berbentuk keagamaan dan sosial, tetapi turut menitikberatkan kegiatan kesukanan. Pendekatan PERKEP ini memang digalakkan kerana menerusi kegiatan kesukanan kita boleh berinteraksi dan berhubung dengan lebih erat dan mesra di gelanggang sukan, dan secara tidak langsung kesukanan juga boleh membentuk personaliti dan kesihatan tubuh badan kita. Ini sudah tentu, turut memberi sumbangan yang besar kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam rumah tangga.
6. Justeru itu, saya berharap ahli-ahli PERKEP akan meneruskan tradisi yang cemerlang dalam bidang kesukanan ini dengan mengatur kegiatan-kegiatan kejohanan sukan yang lain pula seperti kejohanan bola jaring dan golf.
7. Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan dan individu yang berjaya dalam kejohanan kali ini.
8. Akhirnya saya berdoa semoga Persatuan Keluarga Polis terus cergas bersukan dan maju jaya dalam semua bidang serta terus kekal sebagai salah sebuah pertubuhan yang paling aktif di negara kita. Saya dengan sukacitanya mengisytiharkan kejohanan ini ditutup dengan rasminya.